

International Excursion UNIKAMA visits UUM 2017

PPA UUM COB

Tue 17/10/2017 3:44 PM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUMstudentgroup <studentnet-out@uum.edu.my>;

Cc:Dr. Hendrik bin Lamsali <hendrik@uum.edu.my>; Wan Norazlinda binti Wanchik <azlind@uum.edu.my>; Khairul Anuar Bin Adnan <khairul71@uum.edu.my>;



**PEJABAT PEMBANGUNAN
PELAJAR DAN ALUMNI**

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE
COLLEGE OF BUSINESS

Universiti Utara Malaysia

Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

17 OKTOBER 2017 / 26 MUHARAM 1439H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & salam sejahtera





PPACOB ONLINE – ‘International Excursion UNIKAMA visits UUM 2017’ telah berlangsung pada tanggal 30 September - 12 Oktober 2017. Program yang dianjurkan buat kali kedua ini telah mengumpulkan 11 orang pelajar dan seorang pegawai pengiring iaitu Ibu Ayu Liskinasih, Pegawai Pejabat Hubungan Antarabangsa daripada Universiti Kanjuruhan Malang Indonesia (UNIKAMA). Bagi melancarkan perjalanan program, 10 sukarelawan daripada kalangan pelajar Kelab Global Buddies UUM (GBC) telah dilantik untuk menjadi buddies peserta. Hal ini juga bertujuan memberi peluang kepada pelajar yang terlibat untuk memupuk ciri-ciri kepimpinan serta semangat kerjasama serumpun dalam kalangan graduan.

Program yang dijalankan disekitar UUM ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar dari UNIKAMA ini berkaitan budaya pembelajaran di UUM dan cara hidup masyarakat melayu Malaysia khususnya di Kedah ini.

Antara pengisian program adalah sesi pembelajaran akademik dibawah program UUM CAS dan UUM COB yang mana memberi peluang kepada pelajar UNIKAMA menyertai kelas-kelas harian di UUM. Sepanjang program berlangsung terdapat pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan antaranya aktiviti go-kart, sukan kenu, berbasikal, dan merentas hutan Sintok.

Selain itu, pelajar telah dibawa melawat tempat-tempat menarik sekitar Alor Setar dan daerah Kedah yang lain bagi melihat keindahan negeri Kedah.

Rata-rata pelajar berasa gembira dan teruja kerana turut terlibat sama dalam program seperti ini.

Program seperti ini bukan saja meningkatkan kebolehan komunikasi pelajar malah dapat memperluaskan jaringan sosial mereka.

Majlis penutup program ini telah di sempurnakan oleh Dr Hendrik Lamsali, Dekan PPA COB.

Dr Hendrik dalam ucapannya menyeru peserta untuk kembali ke UUM serta menyambung pengajian di UUM bagi merasai suasana pengajian sebenar disini.

Turut serta semasa majlis penutup Prof. Madya Siti Zubaidah Othman, Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM COB, En. Khairul Anuar Adnan, Penasihat Kelab Global Buddies UUM, En Fauzan Adhim, Pensyarah UNIKAMA, Pegawai dan juga staf PPA COB,

-Tamat-

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
(04-928 6610
È 04-928 6606
Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.